



UPM – Terengganu Endurance Jalin Kerjasama Dalam Bidang Ekuin



KUALA LUMPUR, 26 April– Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalinkan kerjasama pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional dengan Royal Terengganu Endurance Stable (RTES) dalam bidang ekuin.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata persefahaman itu akan menambah nilai bahan pengajaran pelajar UPM dan meningkatkan penempatan pelajar menjalani latihan klinikal bidang ekuin yang sangat terhad di Malaysia.

"UPM akan memperluaskan aktiviti penyelidikan dalam industri ekuin terutama dalam aspek pembiakan, sukan dan pengurusan," katanya selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di Istana Terengganu di sini.



Majlis MoU itu disaksikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin sementara RTES diwakili oleh Pengurus Besarnya, Che Mat Din Ismail.

Sementara itu Dekan FPV, Prof. Madya Dr. Bashir Ahmad Fateh Mohamed berkata UPM dan RTES akan memperkuatkkan industri ekuin melalui sumbangan kepakaran dan penyelidikan.

"Kerjasama ini membolehkan pelajar perubatan veterinar berpeluang menjalankan penyelidikan dalam industri kuda dan didedahkan kepada keskes klinikal melalui perkhidmatan profesional dengan RTES," katanya.



Beliau berkata UPM pada masa yang sama akan berupaya menjalankan aktiviti-aktiviti pengajaran, menawarkan kepakaran khidmat profesional, konsultansi dan penyelidikan dengan lebih berkesan apabila siapnya kompleks baru Fakulti Perubatan Veterinar dan Hospital Veterinar Universiti pada bulan Jun ini yang dibina pada kos lebih RM 60 juta.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Khairul Anuar Muhamad Noh, 013-3957650/Norazreen Awang, 03-89466199.**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia